

# Bincang isu sensitif secara terbuka: Keng Yaik

BH - 5/7/2007

**K**UALA LUMPUR: Penasihat Parti Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mahu isu sensitif membabitkan agama, budaya dan politik, termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB) dibincangkan secara terbuka.

Beliau yang juga Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi berkata, rakyat Malaysia yang akan menyambut 50 tahun kemerdekaan tahun ini sepatutnya sudah matang untuk membincangkan isu sensitif secara rasional dan bertanggungjawab serta berhemah.

Katanya, Gerakan sentiasa bersedia berdebat dan berbincang mengenai isu yang menjejaskan negara dan meminggirkan masyarakat tertentu seperti DEB, penswastaan dan pendidikan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

“Topik sedemikian tidak seharusnya dianggap melampau untuk dibincangkan secara terbuka. Kita harus bersedia untuk berbincang secara positif dengan sesiapa saja berhubung isu seumpama itu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

merasmikan Ulang Tahun pertama Gerakan White Coffee Talk dan Forum Awam ‘Cabaran Perpaduan Negara’ oleh Presiden International Movement for Just World, Dr Chandra Muzaffar, di sini, semalam.

Dr Lim berkata, isu sensitif jika dibincangkan secara matang dengan niat baik dapat membantu meningkatkan kefahaman mengenai kaum dan kepercayaan.

“Perspektif kita mengenai pelbagai isu mesti berubah mengikut keadaan jika mahu ekonomi negara menjadi lebih berdaya saing.

“Ini termasuk isu seperti rasuah, pendidikan, isu antara etnik dan hak dalam perlembagaan,” katanya yang pernah mempertikaikan ekuiti Bumiputera dan menggesa Unit Perancang Ekonomi (EPU) mendedahkan secara telus kaedah kajian yang merekodkan penguasaan Bumiputera dalam ekuiti ekonomi negara.

Justeru, katanya, Gerakan akan menubuhkan Pusat Inisiatif Dialog Negara (Nadi) yang akan menjadi landasan perbincangan isu penting dan sensitif.